



**KENYATAAN AKHBAR
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
SEHINGGA MINGGU KE 25 (21 SEHINGGA 27 JUN 2015)**

Pemantauan KKM menunjukkan bahawa sejak enam minggu lalu, kes denggi yang dilaporkan terus menunjukkan peningkatan di seluruh negara. Pada minggu ke 25 tahun 2015, iaitu dari 21 hingga 27 Jun 2015, sejumlah 2,710 kes demam denggi telah dilaporkan iaitu peningkatan sebanyak 15.4 % berbanding 2,348 kes yang dilaporkan pada minggu sebelumnya. Sebanyak sepuluh (10) negeri menunjukkan peningkatan berbanding minggu sebelumnya iaitu di Selangor, Johor, Negeri Sembilan, Kelantan, WP Putrajaya, Pahang, Melaka, Terengganu, Sabah dan di Sarawak.

Daripada Januari sehingga 27 Jun 2015, jumlah kumulatif kes Denggi adalah 56,533 kes berbanding 42,229 kes bagi tempoh yang sama tahun 2014, peningkatan sebanyak 33.9% (14,304 kes). Manakala untuk kematian denggi pula, bagi tempoh yang sama sebanyak 162 kematian denggi dilaporkan dengan peningkatan sebanyak 97.6% berbanding 82 kematian pada tahun 2014.

Bagi tempoh yang sama, jumlah lokaliti wabak dan hotspot turut meningkat, yang mana daripada 862 lokaliti wabak pada minggu ke 24 kepada 975 lokaliti wabak pada minggu ke 25 iaitu dengan peningkatan 13% seminggu. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 144 lokaliti hotspot dilaporkan berbanding 135 hotspot pada minggu sebelumnya. Hotspots ini

adalah 121 lokaliti di Selangor, 12 lokaliti di Perak, lima (5) lokaliti di Pulau Pinang dan Johor serta satu (1) lokaliti di Melaka.

KKM menjangkakan tren peningkatan kes denggi ini akan berterusan sehingga akhir bulan Ramadhan dan pada musim perayaan ini berdasarkan kepada perubahan serotype denggi (*serotype shift*) yang berlaku pada bulan April 2015 dan mengikut *cyclical pattern* pada tahun lepas. Sehubungan itu sempena musim perayaan yang bakal tiba nanti, Kementerian Kesihatan Malaysia menyarankan kepada orang ramai yang akan pulang ke kampung untuk melaksanakan perkara-perkara berikut :-

1. Memastikan tiada terdapat bekas atau tempat yang berpotensi menjadi pembiakan Aedes di kawasan rumah dan persekitarannya. Bagi takungan-takungan air yang besar dan kekal seperti tangki air atau kolah mandi, adalah dinasihatkan supaya memasukkan ubat pembunuh jentik-jentik (Abate).
2. Menggunakan repelen atau memakai baju lengan atau seluar panjang bagi melindungi dari gigitan nyamuk.
3. Menyembur racun serangga aerosol di dalam rumah terutama di belakang langsir, bawah meja dan tempat gelap tersembunyi pada waktu 5-7 pagi dan 5-7 petang.
4. Bagi mereka yang mengalami demam dapatkan rawatan segera di klinik atau hospital yang berhampiran untuk mencegah daripada komplikasi demam denggi dan juga kematian akibat denggi.

Selain itu, Kementerian Kesihatan Malaysia memohon Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memastikan semua Institusi Pendidikan Tinggi dan juga sekolah-sekolah bebas daripada pembiakan Aedes terutama semasa cuti semester dan juga cuti persekolahan. Tindakan pencegahan perlu dilaksanakan seperti penggunaan Abate di pam-pam tandas serta melakukan semburan ruang termal sebelum pelajar kembali semula ke kampus. Pelajar juga diminta untuk melakukan semburan aerosol semasa mula masuk ke asrama masing-masing.

**YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

1 JULAI 2015

KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 25/2015

(21 hingga 27 Jun 2015)

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 25/2015	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 25/2014
		Minggu 25 (21 – 27 Jun 2015)	Minggu 24 (14 – 20 Jun 2015)		
1	Perlis	6	7	129 (1)	91
2	Kedah	17 (1)	18	467 (5)	504 (4)
3	P. Pinang	104	117	2,725 (6)	878 (3)
4	Perak	126	189 (1)	5,690 (13)	2,666 (7)
5	Selangor	1,461 (3)	1,226 (3)	32,484 (83)	24,197 (33)
6	WP KL & Putrajaya	222	201 (1)	3,672 (18)	3,628 (6)
7	N. Sembilan	78	33	985 (7)	2,134 (3)
8	Melaka	42	33	948 (3)	1,190 (4)
9	Johor	452	384 (1)	4,277 (10)	2,390 (14)
10	Pahang	67	47	1,248 (5)	566
11	Terengganu	13	7	514 (2)	373 (1)
12	Kelantan	62	33	789 (3)	2,381 (4)
13	Sarawak	27	24	1,199 (2)	631 (2)
14	Sabah	33	29	1,404 (4)	589 (1)
15	WP Labuan	0	0	2	11
	MALAYSIA	2,710 (4)	2,348 (6)	56,533 (162)	42,229 (82)

Nota: () Kematian

* Sumber : Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

Lampiran B

SENARAI LOKALITI "HOT SPOT" SEHINGGA 27 JUN 2015 (Mg 25)

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	PERAK	Kinta	Kg Das Tambahan 2	104	233
2	PERAK	Kinta	Tmn Cempaka	110	205
3	SELANGOR	Petaling	Seksyen 15 (Dataran Otomobil : Blok 1 - 18)	113	196
4	SELANGOR	Sepang	Mutiara Ville Cyberjaya	132	175
5	SELANGOR	Petaling	Pjs 9/2 - Pjs 9/30	45	155
6	SELANGOR	Sepang	The Arc Condo	72	154
7	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 1a Puncak Sri Kelana Kondo	83	97
8	SELANGOR	Gombak	Tmn Desa Jaya	16	95
9	SELANGOR	Petaling	Sri Ss 7 Kelana Puteri Kondo	32	95
10	SELANGOR	Petaling	Tmn Serdang Perdana Psm Perdana (One South)	58	90
11	SELANGOR	Petaling	BI Pju 6a Puncak Damansara Kondo	21	86
12	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Tropika	30	84
13	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 1a Puncak Nusa Kelana Kondo	28	80
14	SELANGOR	Petaling	Tmn Serdang Perdana Sp 5 (Sky Villa, Kesidang & Rumah Kedai)	30	76
15	SELANGOR	Petaling	BI Pju 10 Saujana Damansara (A) : Jln 10/13, 10/14	18	74
16	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Indah 1 (Jln Indah 1)	18	73
17	SELANGOR	Sepang	Shaftbury Residence	27	73
18	PERAK	Kinta	Tmn Silibin	16	70
19	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Damai Jaya	31	69
20	SELANGOR	Petaling	Bdr Puteri 11	29	69
21	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 5/11-16 Taman West Country	12	68
22	SELANGOR	Sepang	Cyberia Condominium	51	67
23	SELANGOR	Sepang	Serin Cyberjaya	71	67

24	SELANGOR	Petaling	Bl Pju 10 Apt Harmoni 2 (D,E,F,G,H,J,K,T,S,R)	12	67
25	SELANGOR	Sepang	Uni.Tenaga Nasional	46	66
26	SELANGOR	Petaling	Du Ss 2 (1)	15	65
27	SELANGOR	Petaling	Sri Ss 8 Flat Pkns (Gabung Dgn Flat Pkns Ss 3/39)	24	64
28	PERAK	Kinta	Kb Gunung Hijau	25	60
29	SELANGOR	Sepang	Unipark Condo	18	60
30	P PINANG	Timur Laut	Jalan Scotland	23	59
31	SELANGOR	Hulu Langat	Lorong Cantik Kampung Pandan Dalam	10	59
32	SELANGOR	Petaling	Seksyen 13 (Pangsapuri Brunfield Riverview)	24	59
33	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 2 Taman Impian Putra	30	58
34	P PINANG	Timur Laut	Jalan Sek.La Salle	25	55
35	SELANGOR	Petaling	Seksyen 24 (Flat B : Blok 10 - 21)	24	55
36	SELANGOR	Petaling	Bl Pju 6a Pelangi Damansara Kondo (Jln Masjid)	14	55
37	SELANGOR	Gombak	Appt Sri Ehsan	10	54
38	SELANGOR	Gombak	Tmn Wangsa Permai	10	54
39	SELANGOR	Petaling	Sri Pjs 8 Flat Pkns	10	54
40	SELANGOR	Petaling	Bt 13 Kg Tengah	23	54
41	SELANGOR	Petaling	Tmn Equine (Flat Putra Permai & Rumah Kedai)	19	54
42	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 3/23-28,3/35-37 Seksyen 3 Bandar Baru Bangi	32	53
43	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Impian Jaya Saujana Impian	9	53
44	P PINANG	Timur Laut	Jalan Kim Bian Aik	11	52
45	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 2/1 Seksyen 2 Bandar Baru Bangi	21	52
46	SELANGOR	Gombak	Tmn Melawati (E)	21	51
47	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Teres C : Jln 7/10 - 7/22)	13	51
48	SELANGOR	Petaling	Du Ss 22 (2)	17	51
49	SELANGOR	Petaling	Bdr Puchong Jaya Jln Kenari	9	51
50	SELANGOR	Petaling	Usj 14 (Subang Perdana Goodyear Court 7)	9	51
51	SELANGOR	Petaling	Bl Pju 9 Sd 8	19	51
52	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Sri Bahagia	10	48
53	SELANGOR	Petaling	Seksyen 20 (Flat B : Blok 13 -	6	48

			19)		
54	SELANGOR	Petaling	Seksyen U1 (Saujana Glenmarie @ O Lot : Jln U1/51c - U1/511)	11	48
55	SELANGOR	Petaling	Du Ss 21 (1)	18	48
56	SELANGOR	Petaling	Seksyen U20 (Fasa 1b Bbsb : Jln 1b/1 - 1d/3)	12	48
57	SELANGOR	Petaling	Ss 14/1	5	47
58	PERAK	Kinta	Anjung Tawas Damai	24	46
59	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Sri Taming	10	46
60	SELANGOR	Petaling	Bl Pju 8 Perdana Condo	8	46
61	SELANGOR	Petaling	Kt Seksyen 20 Teres A	11	46
62	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Dahlia Court Pandan Indah	11	45
63	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 4 Taman Impian Putra	9	45
64	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Impian Indah	12	44
65	SELANGOR	Petaling	Tmn Sri Serdang 1 (Jln 18/1 - 18/7)	6	44
66	SELANGOR	Petaling	Seksyen 27 (Flat B : Blok 26 - 30)	10	43
67	SELANGOR	Petaling	Du Ss 2 (4)	10	43
68	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 1a Apt Sri Ara	11	43
69	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Sri Cheras	10	42
70	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 5 Seksyen 6	8	42
71	SELANGOR	Petaling	Usj 2/2	53	42
72	PULAU PINANG	Barat Daya	Jalan Sg. Ara	9	42
73	PERAK	Kinta	Kwsn Perindustrian Tasek	10	41
74	PERAK	Kinta	Tmn Pakatan	18	41
75	SELANGOR	Gombak	Tmn Gombak Setia	14	41
76	SELANGOR	Petaling	Bl Pju 6a Pelangi Utama Kondo	24	41
77	SELANGOR	Petaling	Du Ss 21 (2)	10	41
78	SELANGOR	Petaling	Du Ss 22 (3)	15	41
79	SELANGOR	Petaling	Usj 14 (Subang Perdana Good Year Court 8)	14	41
80	SELANGOR	Petaling	Ss 19/5	12	41
81	SELANGOR	Sepang	D'melor Condo	8	41

82	JOHOR	Johor Bharu	Bdr Sri Alam_ Jln Tasek 13-45	7	41
83	SELANGOR	Petaling	Tmn Sg. Besi Indah 3 (Desa Saujana)	10	41
84	SELANGOR	Petaling	Sri Ss 5d (1) : Jln Ss 5d/2,6,8,10,11,13	9	41
85	PERAK	Kinta	Kaw. Perindustrian Igb	21	40
86	PERAK	Kinta	Tmn Wing Onn	10	40
87	SELANGOR	Petaling	BI Pju 9 Sd 7	9	40
88	SELANGOR	Petaling	Du Ss 4a	19	40
89	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 1a D'aman Ria Kondo	8	40
90	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Permai (Flat Blok F)	12	40
91	SELANGOR	Hulu Langat	Batu 13 1/2 Jalan Cheras-Kajang	8	40
92	SELANGOR	Petaling	Seksyen 24 (Flat H : Blok 64 - 78)	15	39
93	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Subang Pelangi : Jln U5/122 - U5/136c & Jln U5/Ak, Aj, Ah & Ag)	17	39
94	SELANGOR	Petaling	BI Pju 9 Sd 1 Flat Sri Cemara	8	39
95	SELANGOR	Petaling	Ss 19/4	12	39
96	SELANGOR	Gombak	Tmn Sri Gombak Fasa 1	6	38
97	SELANGOR	Gombak	Appt Residensi Bistaria	17	38
98	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Perdana 6/2,6/4,6/6,6/8&6/10 Pandan Perdana	9	38
99	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Damai Jaya	8	38
100	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Penghulu Bandar Mahkota Cheras	7	38
101	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Pangsapuri Matahari : Blok A,B,C & D)	8	38
102	SELANGOR	Petaling	BI Pju 6a Tmn Kayu Ara Indah	11	38
103	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 1a Pprt A : Blok A,B,C	14	38
104	JOHOR	Johor Bharu	Kg. Dato Sul.Menteri	26	38
105	PERAK	Kinta	Kg Simee	7	37
106	SELANGOR	Petaling	Du Ss 22 (5)	16	37
107	P PINANG	Timur Laut	Jalan Kennedy	23	37
108	SELANGOR	Petaling	Tmn Lestari Perdana (Pangsapuri Sri Indah)	6	37
109	MELAKA	Melaka Tengah	Taman Teknologi Cheng	60	37

110	JOHOR	Johor Bharu	Kg. Melayu Majidee_Zon 2	14	37
111	JOHOR	Johor Bharu	Tmn Johor Jaya_Jln Bakawali 1-34	6	37
112	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Saga 20-28 Taman Saga	11	36
113	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Citra Taman Kajang Utama	8	36
114	SELANGOR	Petaling	BI Pju 10 Indah Kondo	20	36
115	SELANGOR	Petaling	Dun Bg Seksyen 51a Flat Impian Baiduri	6	36
116	SELANGOR	Petaling	Tmn Puncak Jalil 4 (Casa Riana)	8	36
117	SELANGOR	Petaling	Du Ss 21 (4)	4	36
118	SELANGOR	Petaling	Bdr Kinrara 1 (Jln 1)	6	35
119	SELANGOR	Petaling	Usj 6 (Qts Guru)	13	35
120	PERAK	Kinta	Pekan Tg Tualang	8	34
121	PERAK	Kinta	Kg Tengku Hussein Baru	11	34
122	SELANGOR	Petaling	Tm Pjs 2c Apt Medan Cahaya (Blok A - H)	7	34
123	SELANGOR	Petaling	Kota Perdana (Jln Kp 2)	10	34
124	SELANGOR	Petaling	Ss 18/5 & Ss 18/6	9	34
125	SELANGOR	Petaling	Tmn Puchong Permai (Flat 38 Blok A)	7	34
126	SELANGOR	Petaling	Ss 13/1 (Flat Kos Rendah)	5	34
127	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Permai Court Taman Dato Ahmad Razali	4	33
128	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Desa Baru	4	33
129	SELANGOR	Petaling	Tm Pjs 2d Flat Desa Mentari (Blok 11)	7	33
130	SELANGOR	Petaling	Tmn Bkt Serdang 10 (Vista Impiana)	8	33
131	SELANGOR	Petaling	Tmn Kinrara Jln Tk 1 (Kinrara Court)	4	33
132	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 3/2-3/12 Seksyen 3 Taman Kajang Utama	16	32
133	SELANGOR	Petaling	BI Pju 8 Apt Flora Damansara 2 (Blok C - F)	12	32
134	SELANGOR	Petaling	Kt Ss 9a 1 (Jln 9a/3,5,6,7,8,9,10,11,12,17,20)	17	32
135	SELANGOR	Petaling	Bdr Bkt Puchong Bp 3	11	32
136	SELANGOR	Petaling	Tmn Puncak Jalil 4a (Jln Puj 4/1-4/9)	7	32
137	SELANGOR	Petaling	Tmn Puncak Jalil 2e (Jln Puj 2/39 - 2/51)	6	32

138	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Nirwana 1-17 Taman Nirwana	9	31
139	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Wawasan Bandar Baru Bangi	5	31
140	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Flat D : Blok 52 - 58)	5	31
141	SELANGOR	Petaling	BI Pju 10 Armanee Kondo	10	31
142	SELANGOR	Petaling	Sri Ss 7 Kelana Putera Kondo	8	31
143	SELANGOR	Petaling	Kota Perdana Kp 4 (Kota Impian)	12	31
144	JOHOR	Johor Bharu	Appartment Sri Impian	60	31